

PENCEMARAN ALAM

Pencemaran alam boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu pencemaran air, udara, darat dan bunyi. Pencemaran ini mendatangkan kesan buruk kepada (I) _____ dan manusia.

Pencemaran air boleh (2) _____ kesihatan sama ada manusia atau pun haiwan. Pencemaran air berlaku apabila bahan buangan kilang atau sisa-sisa (3) _____ dibuang ke dalam sungai dan laut.

Selain itu, pencemaran udara pula mengakibatkan lapisan (4) _____ semakin nipis. Ini disebabkan oleh asap dari bahan api (5) _____. Oleh itu, bumi akan terdedah kepada sinaran (6) _____ dan menyebabkan suhu bumi meningkat.

Di samping itu, kegiatan (7) _____ yang berleluasa boleh menyebabkan berlaku pencemaran di darat. Bumi akan terdedah kepada (8) _____ seperti hakisan tanah dan (9) _____.

Pelbagai cara perlulah dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Pihak berwajib perlulah mengetatkan (10) _____ dan menjatuhkan (11) _____ yang berat kepada sesiapa yang melakukan pencemaran.

Kesimpulannya, masalah ini dapat diatasi dengan (12) _____ daripada semua pihak. Kita perlu menanamkan sifat sayang kepada alam sekitar agar terus terpelihara.

alam sekitar	ultraungu	tanah runtuh	ozon
bencana alam	hukuman	mengancam	kerjasama
kilang	toksik	undang-undang	pembalakan